



# Amway LOYALTY PROGRAMME

## Program Kesetiaan Amway (ALP) Baharu dan Menarik

MENAMPILKAN

**BAHARU**

### Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO)

- Mekanik yang diperibadikan & fleksibel (4 pelan penyelesaian dengan julat harga yang berbeza)
- Gabung padan produk Nutrilite dan XS kegemaran anda sebagai penyelesaian yang terbaik untuk menyokong perjalanan dan kesihatan kesejahteraan anda

### Pelan Wira Tunggal

- 9 produk penting yang mesti dimiliki
- Produk tunggal untuk menyasarkan keperluan kesihatan dan kecantikan khusus anda

Semua pelan termasuk eKupon produk yang menarik

\* PWP 1x Pas Saringan Kesihatan (HSP) adalah layak untuk Pelan Penyelesaian BYO sahaja dan sah untuk ABO dan APC warganegara Malaysia sahaja

# Bagaimanakah Ia Berfungsi?



Program Kesetiaan Amway (ALP) merupakan program langganan yang membolehkan anda menikmati produk Amway kegemaran anda selama enam (6) bulan berturut pada **nilai hebat**, dengan **penghantaran percuma**, **ganjaran** dan lebih banyak **MANFAAT!**

**nutrilite**  
(8 SKU terpilih)

**ARTISTRY**  
(ARTISTRY SKIN NUTRITION Vitamin C+HA3 Daily Serum)

	BULAN 1	BULAN KE-2	BULAN KE-3	BULAN KE-4	BULAN KE-5	BULAN KE-6
<b>Produk Wira Tunggal</b>			 eKupon bernilai RM25			 eKupon bernilai RM25

**nutrilite**  
(semua SKU dengan PV/BV, kecuali set dan alat bantu jualan)

	BULAN 1	BULAN KE-2	BULAN KE-3	BULAN KE-4	BULAN KE-5	BULAN KE-6
<b>Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 1</b> (RM300-RM399)	 PWP 1x HSP pada harga RM60 (opsyenal)		 eKupon bernilai RM75			 eKupon bernilai RM75
<b>Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 2</b> (RM400-RM599)	 PWP 1x HSP pada harga RM60 (opsyenal)		 eKupon bernilai RM100			 eKupon bernilai RM100
<b>Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 3</b> (RM600-RM799)	 PWP 1x HSP pada harga RM60 (opsyenal)		 eKupon bernilai RM150			 eKupon bernilai RM150
<b>Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 4</b> (RM800-RM999)	 PWP 1x HSP pada harga RM60 (opsyenal)		 eKupon bernilai RM200			 eKupon bernilai RM200

**XS**  
(Bes Minuman Buah Oren Darah Dengan Isomaltulosa & L-Glutamina XS IGNITE dan Minuman Pracampur Berperisa Beri Liar XS)

## Terma & Syarat

- Semua eKupon ganjaran adalah sah untuk semua ABO & APC warganegara Malaysia & Brunei.
- PWP 1x HSP hanya layak untuk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) dan sah untuk ABO & APC warganegara Malaysia sahaja.
- eKupon boleh digunakan untuk menebus sebarang produk Amway tanpa pembelian minimum dan tiada kesan ke atas PV/BV.
- Setiap eKupon adalah sah selama tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran.
- Semua eKupon boleh digunakan untuk pembelian datang terus atau pesanan dalam talian (kecuali ALP).
- eKupon boleh digabungkan/dihimpunkan, selagi eKupon belum tamat tempoh – tempoh sah ialah tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran.

# Perjalanan ALP Ke Arah Kesehatan yang Lebih Baik!

Amway  
**LOYALTY**  
PROGRAMME



1

## Langgan (amway.my > Program Kesetiaan Amway)

Pilih pelan ALP yang anda ingini

### Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO)\*

(sesuaikan penyelesaian kesihatan anda dengan produk kegemaran anda)

- Pilih julat harga penyelesaian yang diinginkan
- Pilih produk Nutrilite/XS kegemaran anda
- Cipta penyelesaian anda yang diperibadikan

\*rujuk [halaman](#) seterusnya untuk cadangan penyelesaian kesihatan berdasarkan keperluan anda.



### Pelan Wira Tunggal

pilih produk Nutrilite atau ARTISTRY kegemaran anda yang disasarkan

DAN/  
ATAU



2

## Dapatkan ganjaran

(rujuk [jadual](#) ganjaran di atas)

- eKupon produk yang menarik
  - PWP 1x Pas Saringan Kesihatan (HSP) pada harga RM60\* (opsyenal)
- \* hanya untuk Pas Penyelesaian BYO dan sah untuk ABO & APC warganegara Malaysia sahaja.

## Nikmati penghantaran PERCUMA


Penghantaran ke depan pintu selama 6 bulan yang memudahkan untuk semua pesanan ALP



3

4

## Pelan fleksibel



- Mudah untuk menetapkan dan mengurus langganan anda
- Sesuaikan profil anda sendiri dan tarikh pilihan untuk menerima pesanan anda



5

## Disesuaikan untuk perjalanan kesejahteraan anda

Bekalan produk dan ganjaran berterusan dengan 'Langganan Pembaharuan Automatik' selepas tempoh 6 bulan anda berakhir.

\*Untuk kemudahan anda, ciri ini dihidupkan secara lalai.

# Tawaran Produk

**BAHARU**

## PELAN BINA PENYELESAIAN ANDA SENDIRI (BYO)

Sesuaikan penyelesaian kesihatan dan kesejahteraan anda sendiri dengan produk Nutrilite/XS kegemaran anda.

Daripada kesihatan asas, perangsang pertahanan badan, kesihatan gluko, pengurusan berat badan, kesihatan mobiliti dan banyak lagi – pilih penyelesaian yang terbaik untuk menangani keperluan kesihatan anda!

Tidak tahu di mana hendak bermula? Berdasarkan keperluan kesihatan pelanggan anda, kami mengesyorkan penyelesaian berikut:

### Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 1 (RM300-RM399)



MAL20116133N  
MAL20116132N  
MAL21016097T

#### Kesihatan Asas

- 1x Nutrilite DOUBLE X (isian semula)
- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (450g)
- 1x Nutrilite Salmon Omega Complex (60g)



MAL16025024X | MAL13075045N

#### Kesihatan Mobiliti

- 1x Minuman Protein Soya Campuran Dengan Peptida & Aloe Vera Nutrilite (450g)
- 1x Nutrilite OsteoGlucosamine - 120 Kapsul
- 1x Nutrilite Cal Mag D Plus - 180 Tablet

### Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 2 (RM400-RM599)



**BAHARU**



MAL05090057T

#### Kesihatan Gluko

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (sebarang perisa/saiz)
- 1x Nutrilite CB Plus - 90 Tablet
- 1x Minuman Botani Mulberi, Halba & Kayu Manis Nutrilite

**BAHARU**



#### Kesihatan Usus

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (sebarang perisa/saiz)
- 1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract With Probiotics
- 1x Nutrilite Mixed Fiber Powder - 4.5g X 30 Pek Batang



#### Kesihatan Khusus

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (sebarang perisa/saiz)
- 1x Bes Minuman Buah Oren Darah Dengan Isomaltulosa & L-Glutamina XS IGNITE
- 1x Minuman Pracampur Berperisa Beri Liar XS



MAL12085018N

#### Kesihatan Kulit

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (sebarang perisa/saiz)
- 1x Nutrilite Bio C Plus All Day Formula (60tab/120tab)
- 1x Minuman Peptida Kolagen Campuran Nutrilite - 5g X 30 Pek Batang

### Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 3 (RM600-RM799)



MAL12085018N

#### Pertahanan Badan

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (900g)
- 1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Cherry With Licorice & Turmeric
- 1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract With Probiotics
- 1x Nutrilite Bio C Plus All Day Formula (60tab/120tab)



MAL12095029N | MAL12105028NS

#### Peredaran yang Sihat

- 1x Protein Soya Campuran & Lesitin Dengan Vitamin E Nutrilite
- 1x Nutrilite Salmon Omega Complex (120g)
- 1x Nutrilite Coenzyme Q10 Plus - 60 Kapsul



#### Kesihatan Wanita

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (900g)
- 1x Nutrilite Cranberry Fruit Drink Base With Probiotic, Inulin & FOS
- 1x Minuman Peptida Kolagen Campuran Nutrilite - 5g X 30 Pek Batang

### Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) 4 (RM800-RM999)



MAL20076101T

#### Berat yang Sihat

- 1x Minuman Protein Soya Nutrilite (900g)
- 1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract With Probiotics
- 1x Bes Minuman Buah Oren Darah Dengan Isomaltulosa & L-Glutamina XS IGNITE
- 1x Nutrilite Green-T Plus Tablet
- 1x Nutrilite Mixed Fiber Powder - 4.5g X 30 Pek Batang

# Tawaran Produk

## Pelan Wira Tunggal

Dapatkan produk tunggal untuk menyasarkan keperluan kesihatan & kecantikan khusus anda



**1x Minuman Protein Soya Nutralite 450g/500g**  
(sebarang perisa)



**1x Minuman Protein Soya Nutralite – 900g**



**1x Minuman Protein Soya Campuran Dengan Peptida & Aloe Vera Nutralite – 450g**



MAL20116133N | MAL20116132N | MAL21016097T

**1x Nutralite DOUBLE X**  
(bekas/isian semula)



MAL12085018N

**1x Nutralite Bio C Plus All Day Formula – 120 tab**



MAL12095029N

**1x Nutralite Salmon Omega Complex – 120 gl**



**1x Nutralite Botanical Beverage Mix Cherry With Licorice & Turmeric – 5g x 30 pek batang**



**1x Minuman Peptida Kolagen Campuran Nutralite – 5g x 30 pek batang**



**1x ARTISTRY SKIN NUTRITION Vitamin C+HA3 Daily Serum**

**Mulakan perjalanan kesihatan dan kesejahteraan anda dengan Pas Saringan Kesihatan (HSP) serta ketahui keadaan kesihatan semasa anda.**

\* HSP tersedia sebagai item PWP untuk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) dan hanya sah untuk ABO & APC warganegara Malaysia.

**65 ujian**

termasuk **Gambaran Darah Lengkap** dan **Rundingan Doktor Maya** yang menjadikan HSP satu ujian menyeluruh yang boleh membantu anda bermula dengan betul!



Klik **DI SINI** untuk mengetahui lebih lanjut tentang HSP.

# Soalan Lazim (FAQ)

## **S** Apakah itu Program Kesetiaan Amway (ALP)?

**J** Program Kesetiaan Amway (ALP) membolehkan anda menikmati arahan tetap dalam talian bagi kad kredit atau debit anda untuk membeli produk Amway yang terpilih selama 6 bulan berturut-turut dengan nilai dan ganjaran hebat. Anda boleh memesan produk Nutrilite, XS atau ARTISTRY kegemaran anda selama 6 bulan berturut-turut dengan manfaat yang mengagumkan dan mudah.

## **S** Siapakah yang layak melanggan ALP?

**J** Kedua-dua Pemilik Perniagaan Amway (ABO) dan Pelanggan Istimewa Amway (APC) layak melanggan ALP. APC akan dihadkan kepada 3 unit untuk setiap SKU setiap hari sebagaimana pelan langganan mereka.

## **S** Bagaimanakah ALP berfungsi?

**J** Langgan pelan pilihan anda untuk produk kegemaran anda selama 6 bulan. Produk akan dihantar terus kepada anda setiap bulan. Selain penghantaran percuma, anda juga dapat menikmati ganjaran hebat dengan eKupon produk yang menarik.

## **S** Adakah saya layak untuk PV/BV penuh?

**J** Ya, anda layak mendapat PV/BV penuh selama 6 bulan.

## **S** Apakah produk yang ditawarkan di bawah ALP?

**J** Untuk melihat semua produk yang ditawarkan di bawah ALP, sila rujuk: Malaysia: [amway.my](http://amway.my) > Program Kesetiaan Amway  
Brunei: [amway.com.bn](http://amway.com.bn) > Program Kesetiaan Amway

## **S** Adakah kitaran saya yang seterusnya akan dikenakan caj pada tarikh pemprosesan yang telah saya pilih?

**J** Anda akan dikenakan caj pada hari berikutnya (pada awal pagi) selepas tarikh pemprosesan pilihan anda.

## **S** Mengapakah pembayaran diproses pada hari berikutnya dan bukan pada tarikh pemprosesan itu sendiri?

**J** Ini bagi membolehkan sistem memastikan semua pesanan pada tarikh pemprosesan tertentu dikumpulkan. Ini juga meminimumkan sebarang pesanan yang tertinggal pada tarikh pemprosesan tertentu itu.

## **S** Adakah saya memerlukan pembelian minimum sebanyak RM200 untuk menikmati penghantaran percuma?

**J** Tidak. Anda akan menikmati penghantaran PERCUMA dengan sebarang langganan pelan di bawah ALP.

## **S** Bolehkah saya memilih untuk mengambil produk ALP dari Kedai Amway?

**J** Tidak, hanya pesanan DALAM TALIAN dan penghantaran ke alamat pilihan anda tersedia.

## **S** Sebaik sahaja melanggan, bilakah kad kredit/debit saya akan dikenakan caj?

**J** Jika anda telah memilih tarikh pemprosesan iaitu selepas tarikh anda melanggan, sistem akan mengenakan caj ke atas kad anda pada hari berikutnya (pada waktu pagi). Jika anda telah memilih tarikh pemprosesan sebelum tarikh anda melanggan, pembayaran hanya akan dilakukan pada hari berikutnya (pada waktu pagi) pada tarikh pemprosesan yang anda pilih.

**Contoh 1:** Hari ini adalah 5 haribulan dan anda telah melanggan pelan ALP, dan anda telah memilih tarikh pemprosesan pilihan anda pada 5 haribulan setiap bulan. Pembayaran pertama anda akan diproses pada awal pagi 6 haribulan. Pembayaran untuk bulan berikutnya akan terus diproses pada 6 haribulan setiap bulan.

**Contoh 2:** Hari ini adalah 5 haribulan dan anda telah melanggan pelan ALP, dan anda telah memilih tarikh pemprosesan pilihan anda pada 4 haribulan setiap bulan. Pembayaran pertama anda akan diproses pada awal pagi 6 haribulan. Pembayaran untuk bulan berikutnya akan terus diproses pada 5 haribulan setiap bulan.

**Contoh 3:** Hari ini adalah 5 haribulan dan anda telah melanggan pelan ALP, dan anda telah memilih tarikh pemprosesan pilihan anda pada 10 haribulan setiap bulan. Pembayaran pertama anda akan diproses pada awal pagi 11 haribulan. Pembayaran untuk bulan berikutnya akan terus diproses pada 11 haribulan setiap bulan.

## **S** Apakah kaedah pembayaran yang tersedia?

**J** Hanya pembayaran kad kredit/debit diterima. Sila pastikan kad kredit/debit anda mempunyai had/dana yang mencukupi untuk mengelak sebarang kegagalan pembayaran. Pembayaran melalui perbankan dalam talian TIDAK dibenarkan.

## **S** Adakah kad saya akan dikenakan caj selama 6 bulan (pembayaran pelan penuh) (dalam satu transaksi tunggal) apabila saya melanggan ALP?

**J** Tidak. Kad anda hanya akan dikenakan caj bulanan apabila anda melanggan program tersebut tetapi pembayaran bulan pertama anda mestilah berjaya supaya program dapat diteruskan. Pendek kata, TIADA pembayaran sekali sahaja.

## **S** Bagaimanakah saya boleh mengetahui bahawa langganan ALP saya berjaya?

**J** Anda akan menerima e-mel yang memaklumkan langganan ALP anda berjaya. Anda juga akan menerima SMS dan e-mel bagi sebarang pembayaran yang gagal. SMS dan e-mel bagi pembayaran yang gagal hanya akan dihantar SEKALI untuk memaklumkan anda. Sila pastikan anda mempunyai nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel yang SAH untuk akaun anda bagi mengelak sebarang salah faham dan sila semaknya dengan teliti.

Selepas menerima pemberitahuan, sila ambil tindakan yang perlu untuk mengaktifkan semula pembayaran anda bagi memastikan langganan anda kekal aktif.

## **S** PENTING: Apakah yang harus saya lakukan jika saya menerima SMS yang memaklumkan bahawa pembayaran saya telah gagal?

**J** Pembayaran bulanan yang pertama mestilah berjaya untuk ALP diteruskan. Jika pembayaran bulanan pertama anda gagal, anda tidak akan dapat melanggan program tersebut. Untuk sebarang pembayaran yang gagal dari bulan kedua hingga keenam, anda perlu log masuk ke [amway.my](http://amway.my) untuk mengemas kini butiran pembayaran/kad anda, dan kemudian pergi ke halaman Sejarah Pesanan > Pesanan Belum Selesai untuk mengklik SECARA MANUAL pada butang BAYAR SEKARANG bagi memproses semula pembayaran dalam tempoh 14 hari. Kegagalan melakukannya boleh menyebabkan penamatan ALP secara automatik.

## **S** Berapa lamakah tempoh program ini?

**J** Tempoh ALP adalah 6 bulan (setiap kitaran) untuk setiap pelan yang dipilih.

## **S** Bilakah saya akan mendapat ganjaran untuk pelan yang telah saya langgan?

**J** Anda layak mendapat eKupon produk Amway pada bulan ke-3 dan ke-6.

## **S** Bolehkah saya mendapat PWP Pas Saringan Kesihatan (HSP) pada bila-bila masa sepanjang langganan saya?

**J** Pas Saringan Kesihatan (HSP) hanya layak untuk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) pada Bulan 1 pelan langganan anda. Ia hanya sah untuk ABO & APC warganegara Malaysia.

## **S** Bolehkah saya membatalkan ALP saya selepas dilanggan?

**J** Ya, anda boleh membatalkan ALP yang anda langgan pada bila-bila masa (sekurang-kurangnya 2 hari sebelum tarikh kad dikenakan caj untuk kitaran pesanan seterusnya). Namun, sebarang pembatalan akan menyebabkan kehilangan kelayakan ke atas semua tawaran/insentif ALP anda.

# Soalan Lazim (FAQ)

**S** Adakah terdapat sebarang yuran pembatalan?

**J** Tidak.

**S** Bolehkah saya membatalkan sebahagian ALP saya?

**J** Pembatalan separa tidak dibenarkan. Pembatalan program ALP terpakai kepada keseluruhan program.

**S** Berapa banyakkah pelan ALP yang boleh saya langgani?

**J** Sebagai ABO, anda boleh melanggan seberapa banyak pelan yang anda suka sebaik sahaja profil anda dicipta. Untuk APC, anda akan dihadkan kepada 3 unit untuk setiap SKU setiap hari bagi setiap pelan langganan. Untuk pembelian biasa dan jika terdapat sebarang had promosi/pelancaran, kuantiti item ALP akan dikira sebagai sebahagian daripada had APC anda.

**S** Bolehkah saya mengaktifkan semula ALP saya selepas sebarang pembatalan?

**J** Selepas pembatalan, ALP anda TIDAK AKAN diaktifkan semula. Anda perlu melanggan semula untuk kitaran ALP baharu.

**S** Bolehkah saya mencipta lebih daripada satu profil?

**J** Ya, anda boleh mencipta lebih daripada satu profil dengan tarikh pemprosesan, butiran kad kredit/debit dan/atau alamat penghantaran yang berlainan bagi setiap profil. Cuma pastikan anda tidak menggunakan nama profil, tarikh pemprosesan, butiran kad kredit/debit dan alamat penghantaran yang sama, yang telah digunakan untuk mencipta profil lain.

**S** Bolehkah saya melakukan 'volume down' ALP yang saya langgani kepada ABO bawahan saya?

**J** Tidak, melakukan 'volume down' untuk pelan ALP TIDAK DIBENARKAN.

**S** Bolehkah saya melihat pesanan ALP ABO bawahan saya?

**J** Ya, anda boleh melihatnya di bawah Pusat Perniagaan > Pengurusan ABO bawahan (Kumpulan) > Laporan Status ABO bawahan > Laporan Status ALP ABO bawahan. Anda akan dapat melihat Sejarah Pesanan ALP ABO bawahan anda dan Status Langganan ALP akan datang (Ramalan) akan datang. Laporan Status ALP ABO bawahan hanya boleh dilihat oleh Platinum & Ke Atas.

**S** Katakan apabila langganan ALP berjaya, dalam tempoh yang sama terdapat promosi Nutrilite, XS atau ARTISTRY (produk terpilih) sedang berlangsung pada bulan tersebut. Adakah saya masih boleh menyertai promosi tersebut?

**J** Ya, anda masih boleh menyertai promosi tersebut dan menangguhkan langganan ALP anda jika anda mahu. Walau bagaimanapun, anda hanya dibenarkan untuk menangguhkan sekali bagi setiap kitaran, untuk kuantiti yang bersamaan atau lebih banyak daripada kuantiti yang dilanggan.

**S** Bolehkah saya menggunakan produk di bawah pelan ALP sebagai item untuk melayakkan diri bagi sebarang promosi Nutrilite, XS atau ARTISTRY (produk terpilih) yang sedang berlangsung?

**J** Tidak, pelan ALP tidak termasuk dalam senarai item yang melayakkan diri untuk sebarang promosi Nutrilite, XS atau ARTISTRY yang sedang berlangsung.

**S** Bagaimanakah saya boleh memulangkan produk yang telah dibeli di bawah ALP?

**J** Produk yang telah dibeli di bawah ALP TIDAK BOLEH DIKEMBALIKAN dan TIDAK BOLEH DIBAYAR BALIK.

**S** Bolehkah saya menukar pelan semasa tempoh ALP saya?

**J** TIDAK. Anda perlu membatalkan pelan ALP semasa anda dan melanggan kitaran ALP baharu.

**S** Bolehkah saya menggunakan sebarang kupon promosi Nutrilite, XS atau ARTISTRY (produk terpilih) lain selain pesanan ALP saya untuk menikmati lebih banyak diskaun?

**J** Tidak. ALP adalah bebas daripada sebarang tawaran promosi Nutrilite, XS atau ARTISTRY yang sedang berlangsung. Pembelian ALP adalah tidak sah dengan sebarang promosi atau tawaran yang sedang berlangsung iaitu Belian Dengan Belian (PWP)/Hadiah Dengan Belian (GWP) atau dengan sebarang promosi berkaitan pemasaran lain sepanjang tempoh program.

**S** Adakah pelan ALP saya diperbaharui secara automatik apabila kitaran saya berakhir?

**J** Ya, ciri Langganan Pembaharuan Automatik ditetapkan secara lalai semasa langganan ALP anda supaya langganan anda akan diperbaharui secara automatik apabila kitaran ALP anda berakhir. Dengan cara ini, anda tidak perlu bimbang tentang pesanan semula yang tertinggal.

**S** Bolehkah saya menyahaktifkan ciri Langganan Pembaharuan Automatik jika saya tidak mahu memperbaharui secara automatik apabila kitaran ALP saya berakhir?

**J** Ya, anda boleh "nyahtanda" kotak bersebelahan dengan pilihan Langganan Pembaharuan Automatik sebelum anda mencipta profil dan langganan anda.

**S** Bolehkah saya menyahaktifkan ciri Langganan Pembaharuan Automatik selepas saya melanggan ALP?

**J** Ya, anda boleh. Log masuk amway.my > Tab Akaun Saya (tab di bawah nama anda) > ALP Saya > Profil ALP Saya > Klik pada profil yang anda ingin lihat > Klik pada Butiran tentang barisan/produk ALP yang anda ingin nyahaktifkan > Nyahtanda kotak Langganan Pembaharuan Automatik apabila anda berada di halaman butiran produk. Namun begitu, untuk kitaran langganan ALP yang sedang berlangsung, penyahaktifan hanya akan berlaku sebelum tarikh pemprosesan/pembayaran akan datang yang seterusnya bagi kitaran baharu. Apabila dinyahaktifkan, ia akan kekal dinyahaktifkan untuk kitaran anda yang berikutnya sehinggalah kitaran pelan semasa anda berakhir. Untuk mengaktifkannya semula, anda perlu mengambil langkah yang sama di atas dan pilih kotak Langganan Pembaharuan Automatik.

**S** Saya seorang warganegara Malaysia tetapi bekerja dan tinggal di Singapura. Bolehkah saya melanggan pelan ALP dari Malaysia atau sebaliknya?

**J** Langganan merentasi negara tidak dibenarkan untuk ALP. Walau bagaimanapun, ABO warganegara Malaysia yang mengaktifkan aktiviti perniagaan mereka di Singapura dan juga mempunyai alamat kediaman di Singapura, boleh melanggan pelan ALP di Singapura.

**S** Siapakah yang harus saya hubungi untuk pertanyaan lanjut?

**J** Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di myhelpdesk@amway.my atau hubungi nombor Khidmat Pelanggan kami di 03-7946 2800.

# Soalan Lazim (FAQ)

Amway  
**LOYALTY**  
PROGRAMME

## S Apakah perbezaan antara Pelan Wira Tunggal dan Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO)?

J Pelan Wira Tunggal menawarkan 9 produk Nutrilite atau ARTISTRY yang mesti ada untuk menasaskan keperluan kesihatan dan kecantikan khusus anda. Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) pula beroperasi sebagai suatu mekanik yang diperibadikan dan fleksibel, membolehkan anda mereka bentuk penyelesaian kesihatan dan kesejahteraan anda sendiri dengan produk Nutrilite kegemaran anda atau XS terpilih, berdasarkan bajet anda. Terdapat 4 julat harga yang berbeza untuk memenuhi keperluan semua orang dengan lebih baik.

## S Adakah Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) beroperasi sebagai mekanik "penyelesaian tetap"?

J Tiada "penyelesaian tetap" untuk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO). Imej penyelesaian yang ditunjukkan untuk Pelan Penyelesaian BYO di laman web Amway berfungsi sebagai cadangan sahaja. Anda bebas untuk menyesuaikan penyelesaian anda sendiri dengan menambah produk Nutrilite kegemaran anda atau produk XS terpilih, berdasarkan bajet dan keperluan anda.

Tidak tahu di mana hendak bermula? Klik [di sini](#) untuk beberapa cadangan penyelesaian kesihatan.

## S Bolehkah saya menambah kuantiti produk yang dilanggan semasa tempoh langganan?

J Ya, untuk kedua-dua Pelan Wira Tunggal dan Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO), anda boleh menambah atau mengurangkan kuantiti produk yang dilanggan (tetapi tidak kurang daripada 1 kuantiti), sebelum tarikh pemrosesan pesanan seterusnya.

## S Apakah produk yang tersedia untuk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO)?

J Terdapat pelbagai jenis produk Nutrilite (semua SKU dengan PV/BV kecuali set/alat bantu jualan) dan produk XS terpilih (**Bes Minuman Buah Oren Darah Dengan Isomaltulosa & L-Glutamina XS Ignite** dan **Minuman Pracampur Berperisa Beri Liar XS**) tersedia untuk pilihan anda. Selepas anda log masuk, anda dapat melihat ia disertakan dengan penapis 'status stok' terbina dalam untuk membantu anda menapis produk yang tersedia dan mula menyesuaikan penyelesaian kesihatan anda sendiri.

Terdapat juga pilihan penapis untuk anda mengisih mengikut 'harga' dan 'nama' semasa mencari produk.

## S Bolehkah saya mengubah suai komponen produk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO) semasa tempoh langganan?

J Anda mempunyai fleksibiliti untuk mengubah suai komponen produk Pelan Bina Penyelesaian Anda Sendiri (BYO). Hanya laraskan kuantiti produk atau tambah produk alternatif, dengan syarat ia berada dalam julat harga penyelesaian yang dipilih.

Walau bagaimanapun, anda tidak dibenarkan mengalih keluar produk pilihan asal. Anda juga perlu kekal konsisten dengan varian pilihan anda sepanjang langganan 6 bulan. Tiada semakan perisa atau saiz kiraan dibenarkan semasa tempoh langganan anda.

### Contoh:

Anda mempunyai pelan langganan di bawah Pelan Penyelesaian BYO 2 (RM400-RM599) dengan produk di bawah:

1x Minuman Protein Soya Nutrilite - 450g (RM121.50)

2x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics (RM332.00)

Jumlah: RM453.50

### Senario 1: Pelarasan kuantiti produk

✓ 2x Minuman Protein Soya Nutrilite - 450g (RM243.00)

1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics (RM166.00)

Jumlah: RM409.00 <la dibenarkan kerana ia masih berada dalam julat harga Pelan Penyelesaian BYO 2>

✗ 1x Minuman Protein Soya Nutrilite - 450g (RM121.50)

1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics (RM166.00)

Jumlah: RM287.50 <la TIDAK dibenarkan kerana anda belum lagi memenuhi jumlah harga minimum yang diperlukan untuk Pelan Penyelesaian BYO 2. Anda perlu menambah produk alternatif untuk memenuhi keperluan minimum untuk meneruskan>

### Senario 2: Tambah produk alternatif

✓ 1x Minuman Protein Soya Nutrilite - 450g (RM121.50)

1x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics (RM166.00)

1x Nutrilite Bio C Plus All Day Formula - 120 tab (RM141.50)

Jumlah: RM429.00 <la dibenarkan kerana ia masih berada dalam julat harga Pelan Penyelesaian BYO 2>

✗ 1x Minuman Protein Soya Nutrilite - 450g (RM121.50)

2x Nutrilite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics (RM332.00)

1x Nutrilite Mixed Fiber Powder (RM167.00)

Jumlah: RM620.50 <la tidak dibenarkan kerana ia telah mencapai harga maksimum yang dibenarkan untuk Pelan Penyelesaian BYO 2. Anda boleh membuat pilihan lain atau melanggan Pelan Penyelesaian BYO 3>

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang ALP dan untuk memulakan langganan anda, klik [di sini](#).